

# Saya tak rasa pening atau sakit

Dr Mahathir jadi penerima suntikan vaksin paling tua di Malaysia

Oleh ROSLINDA HASHIM

LANGKAWI

**B**ekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui tidak berasa

sakit dan atau pening ketika disuntik vaksin Covid-19 walaupun usianya sudah mencecah 95 tahun.

Beliau dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin daerah Langkawi di Kompleks Sukan Langkawi pada Ahad.

Menurut Dr Mahathir, beliau juga tidak mengalami apa-apa kesan sampingan selepas diberikan suntikan berkenaan. “Tak rasa apa pun, sekejap sangat cuma ketika jawab soalan petugas kesihatan saja ambil masa. Cucuk tak sampai satu minit pun, saya pun tak ada rasa pening atau kesan sampingan lain,” kata beliau.

Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi berkata, beliau berharap rakyat menerima suntikan vaksin bagi mencegah jangkitan Covid-19 kerana ia memberi perlindungan kepada kita dalam memerangi wabak itu.

“Vaksin ini diluluskan oleh



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah bergambar selepas menerima suntikan vaksin Covid-19 di Pusat Pemberian Vaksin di Kompleks Sukan Langkawi pada Ahad.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan dipilih selepas jalani tapisan dan ia berkesan. Berasa lega sikitlah, boleh pergi mana-mana. Saya kini dilindungi daripada jangkitan Covid-19,” katanya dalam nada berseloroh.

Beliau turut menasihati orang ramai agar tidak meragui keberkesanan dan keselamatan vaksin berkenaan kerana ia sudah disahkan selamat digunakan.

“Saya bersyukur dan ucap terima kasih kepada petugas kesihatan yang bertugas sepanjang masa untuk berikan suntikan vaksin kepada rakyat. Mereka terpaksa bekerja kuat berterusan kerana ramai perlu disuntik,” katanya.

Dr Mahathir berkata lagi, proses suntikan vaksin kepada rakyat perlu dipercepatkan memandangkan penduduk negara

ini hanya 32 juta berbanding Amerika Syarikat (AS) seramai 360 juta.

“Ada yang kurang yakin dan percaya suntikan vaksin akan menyebabkan lain-lain penyakit, ini tidak benar.

“Kalau ada kesan buruk akibat suntikan vaksin, sudah tentu kes dilaporkan terutama di AS yang sudah berikan suntikan kepada 20 juta penduduknya,” katanya.

Beliau turut meminta orang ramai segera mendaftar untuk menerima suntikan vaksin kerana dapat membantu kerajaan mempercepatkan proses pemberian vaksin mengikut fasa ditetapkan.

“Percayalah tak ada masalah apa-apa pun, termasuk kepada orang tua dan mereka boleh disuntik dalam keadaan selesa,” kata Dr Mahathir.